

35,680 lagi mangsa banjir di pusat pemindahan

um 29/1

Oleh SOPI SAMAILE

JOHOR BAHRU 28 Jan. - Banjir di Batu Pahat semakin surut dengan jumlah mangsa yang tinggal di pusat-pusat pemindahan tinggal 35,680 orang sehingga pukul 6 petang ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor berkata, jumlah itu membabitkan 8,399 keluarga yang ditempatkan di 87 pusat pemindahan banjir sementara.

"Air di sesetengah kawasan mulai surut dan mangsa boleh pulang ke rumah masing-masing dari semasa ke semasa.

"Bagaimanapun, masih banyak lagi kawasan ditenggelami air yang bertakung malah ia lambat surut kerana cuaca yang tidak menentu hari ini dengan hujan sekejap-sekejap," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, kebanyakan jalan-jalan utama di negeri ini telah dibuka kecuali di

Kilometer 61.5 Jalan Mersing ke Kluang.

Ini kerana, katanya, jalan tersebut telah terputus hubungan selepas jambatan yang menghubungkan jalan berkenaan runtuh.

Sehubungan itu, jelasnya, jalan di kawasan tersebut terpaksa ditutup untuk laluan mulai hari ini sehingga Rabu depan bagi kerja-kerja membaiki semula jambatan terbabit.